

KESAN PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN TEMA DALAM SURAH AL-RAḤMĀN TERHADAP KOGNITIF PEMIKIRAN MANUSIA

Prof Madya Dr Muhammad Khairi Mahyuddin¹

¹ Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

*email: muhdkhairi@usim.edu.my

Abstract

Surah al-Raḥmān merupakan surah ke-55 dalam al-Qur'an. Mengandungi 78 ayat sebahagian besar ayatnya diturunkan di Mekah dan sebahagiannya di Madinah. Surah menonjolkan ketinggian keindahan bahasa dan keseimbangan makna. Keunikan surah ini berbanding surah-surah yang lain dalam al-quran ialah pengulangan ayat "فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَان" sebanyak 31 kali sebagai satu bentuk peringatan yang lembut dan penuh hikmah daripada Allah. Surah ini digelar 'Arasat al-Qur'an' (Pengantin al-Qur'an) kerana keindahan susunannya dan kesatuan tema yang merangkumi kepentingan ilmu, nikmat, rahmat, keadilan, kebesaran serta keinsafan terhadap kekuasaan Allah. Kandungan surah ini bukan sekadar menyentuh aspek spiritual dan emosi, bahkan memberikan kesan mendalam terhadap akal yang merupakan alat pemikiran kognitif manusia, iaitu cara berfikir, memahami, menilai dan membuat keputusan berasaskan tauhid. Seluruh kandungan al-Qur'an diturunkan untuk membimbing manusia berfikir secara rasional berpaksikan kesedaran fitrah insani ke arah keyakinan terhadap kewujudan Allah sebagai jalan menerima kebenaran daripada-Nya.

Keywords: pemahaman, penghayatan, ar-rahman, kognitif

1. Hubungan Akal dan Wahyu

Menurut Imam al-Ghazali, akal ialah daya rohaniah yang dikurniakan Allah sebagai cahaya Ilahi dalam hati, yang membolehkan manusia memahami hakikat, menerima ilmu fitrah, menilai benar dan salah, berfikir secara teratur dan menghimpun pengalaman menjadi kebijaksanaan, sehingga membezakan manusia daripada makhluk lain serta membimbingnya menuju hidayah dan ma'rifatullah (al-Ghazali 1995)

Allah menyuruh manusia yang berakal untuk berfikir dengan bimbingan wahyu agar mudah mencari, menerima, memahami dan memperoleh kebenaran. Suruhan Allah untuk berfikir berasaskan wahyu telah disebut dengan pelbagai istilah dan terminologi seperti seperti *ta'qilun* sebanyak 24 kali, *tubsirun* sebanyak 9 kali, *tasma'un* sebanyak 2 kali *tadabbarun/yatadabbarun* sebanyak 2 kali, *tazakkarun/yatazakarun* sebanyak 29 kali, *fa'tabiru* sebanyak 1 kali, *uli/ulu albab* sebanyak 16 kali, *uli al-nuha* sebanyak 2 kali, *uli al-absar* sebanyak 1 kali.

Akal dan wahyu merupakan dua sumber pengetahuan penting dalam Islam. Akal ialah anugerah Allah yang membolehkan manusia berfikir, menganalisis dan membuat keputusan, manakala wahyu ialah petunjuk Ilahi yang membimbing manusia kepada kebenaran hakiki. Dalam Islam, kedua-duanya tidak bertentangan, malah saling melengkapi antara satu sama lain. Akal dianggap sebagai asas kepada taklif (pertanggungjawaban). Seseorang hanya dikenakan hukum

syarak apabila dia memiliki akal yang waras. Akal membolehkan manusia memahami maklumat, menilai dalil dan berfikir secara rasional.

Wahyu merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah, iaitu sumber utama ajaran Islam. Wahyu mengandungi pengetahuan yang tidak mampu dicapai sepenuhnya oleh akal, seperti ilmu ketuhan yang mendalam, kenabian, perkara ghaib (akhirat, malaikat, syurga dan neraka) kaedah ibadah serta hukum-hukum Islam. Wahyu menjadi neraca kebenaran dalam menilai sesuatu pemikiran atau tindakan.

Dalam Islam, akal dan wahyu tidak bertentangan, malah saling melengkapi. Akal digunakan untuk memahami wahyu, mentafsir dalil-dalil syarak dan mengaplikasikan prinsip-prinsip Islam dalam kehidupan. Wahyu pula memberikan sempadan dan panduan agar akal tidak tersasar.

Jika berlaku pertentangan antara akal dan wahyu, hal itu berpunca daripada salah faham akal terhadap teks wahyu. Dalam situasi ini, wahyu tetap diutamakan kerana bersumberkan kebenaran mutlak daripada Ilahi, manakala akal adalah terbatas dan boleh terpengaruh oleh nafsu serta pengalaman subjektif. Peranan akal mestilah berada dalam kerangka wahyu. Al-Ghazālī menyatakan bahawa akal ialah alat untuk memahami syariat, bukan untuk mengatasi syariat.

Akal dan wahyu adalah dua entiti yang tidak boleh dipisahkan dalam kerangka pemikiran Islam. Akal memerlukan wahyu untuk mendapat panduan yang betul, manakala wahyu memerlukan akal untuk difahami dan diamalkan. Kesatuan antara keduanya menjamin keseimbangan dalam kehidupan rohani dan intelektual manusia.

Jika manusia berfikir tanpa bimbingan wahyu, kesannya akan membawa kepada kesesatan. Hal ini kerana akal manusia bersifat terbatas dan boleh terpengaruh oleh hawa nafsu, pengalaman, budaya dan kepentingan diri. Tanpa wahyu, akal semata-mata tidak mampu memahami hakikat sebenar kejadian alam, tujuan hidup, perbezaan antara baik dan buruk serta konsep ketuhanan yang sebenar. Contohnya, pemikiran materialisme yang menafikan kewujudan roh atau kehidupan selepas mati jelas bertentangan dengan wahyu.

Manusia yang terlalu bergantung kepada logik akal semata-mata boleh jatuh ke dalam perangkap takabbur intelektual, menolak kebenaran hanya dengan alasan "tidak masuk akal" menurut pandangannya. Hal ini dapat dilihat dalam kalangan golongan liberal ekstrem atau ateis yang menolak agama atas dasar logik semata-mata. Selain itu, pemikiran berdasarkan logik akal semata-mata dalam pelbagai aliran seperti rasionalisme, sekularisme, dan lain-lain tidak dapat menemui kebenaran hakiki kerana sering berkonflik antara satu sama lain serta tidak mempunyai sumber kebenaran mutlak. Kesannya, manusia mudah terdorong kepada ideologi seperti ateisme dan lain-lain yang mengikis nilai keagamaan dan kemanusiaan.

Akal manusia mesti disinari dan dibimbing oleh wahyu Ilahi supaya seimbang, benar dan tidak tersasar daripada landasan fitrah. Wahyu tidak menolak logik, malah menyempurnakannya serta memberikan kerangka pemikiran kognitif yang kukuh ke arah kebenaran hakiki dan kebijaksanaan.

Oleh itu, membaca Surah al-Rahman dilihat dapat membantu akal manusia berfikir secara benar berdasarkan tema-tema yang terkandung di dalamnya, yang membentuk struktur pemikiran kognitif manusia berasaskan tauhid serta menghubungkan akal dengan fitrah dan wahyu.

Tema -Tema Dalam Surah Al-Rahman

Bacaan surah al-rahman secara *tartil* (perlahan, jelas, teratur, dan tenang) dan *tadabbur* (merenungi dan memahami) secara mendalam. memebri kesan kepada kesuacian hati dan akal untuk dilimpahi degan nur petunjuk daripada Allah. Nabi SAW bersabda,

قال رسول الله ﷺ: إِنَّ هَذِهِ الْقُلُوبَ تَصْدَأُ كَمَا يَصْدَأُ الْحَدِيدُ إِذَا أَصَابَهُ الْمَاءُ. قِيلَ: وَمَا جَلَاؤُهَا؟ قَالَ: كَثْرَةُ ذِكْرِ الْمَوْتِ، وَتِلَاوَةُ الْقُرْآنِ
 Sesungguhnya hati itu berkarat seperti karatnya besi apabila dikenai air.” Lalu ditanya: “Apakah pengilatnya (pembersihnya)?” Baginda menjawab: “Memperbanyakkan mengingati mati dan membaca al-Qur’an al-Bayhaqi, Shu’b al Iman. Fasl fi idman tilawah al-quran)

Nabi SAW sendiri menyuruh manusia bertafakur dengan nikmat dan tanda kebesaran Allah seperti langit dan bumi, manusia dan sistem tubuh, aturan kosmos, hukum-hukum alam, nikmat kehidupan, rezeki dan lain-lain yang dapat menguatkan iman, meningkatkan rasa syukur, serta membuka pintu ma’rifah kepada Allah. Nabi SAW bersabda

تَفَكَّرُوا فِي آلَاءِ اللَّهِ، وَلَا تَتَفَكَّرُوا فِي اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Berfikirlah kamu tentang segala nikmat dan tanda-tanda kebesaran Allah, tetapi jangan kamu berfikir tentang zat Allah ‘Azza wa Jalla (al-Bayhaqi, Shu’b al Iman fasl fi al-isharah atraf al adillah fi ma’rifat Allah)

Berdasarkan penelitian terhadap Surah al-Rahman yang mengandungi 78 ayat, didapati terdapat 11 tema utama yang dapat membimbing akal secara tersusun menyelami kebenaran dan meningkatkan amal salih dan keimanan berpaksi tauhid. Allah berfirman,

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تَلَيَّتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ

Sesungguhnya orang-orang beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah, hati mereka menjadi takut (khusyuk), dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambahlah iman mereka; dan kepada Tuhan merekalah mereka bertawakal (al-Quran, Surah al- Anfal 8 : 2)

Dinatar Tema-tema Utama dalam Surah al-Rahman adalah seperti berikut

- a) Sifat Ar-Rahmāan dan Manifestasi Rahmat Ilahi
- b) Nikmat Ilmu dan Pengajaran al-Qur’an
- c) Penciptaan Alam dan Keseimbangan Kosmos
- d) Prinsip Mīzān (Keadilan dan Keseimbangan)
- e) Nikmat Duniawi dan Fenomena Lautan
- f) Semua urusan alam ditadbir oleh Allah Tuhan yang kekal
- g) Tanggungjawab Manusia dan Jin terhadap Nikmat Allah
- h) Ulangan ayat “ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ” sebanyak 31 kali
- i) Hari Kiamat dan Balasan bagi yang Ingkar
- j) Gambaran Nikmat Syurga bagi Golongan Bertakwa
- k) Keteraturan dan Kebijaksanaan dalam Ciptaan
- l) Keagungan Allah berdasarkan sifat -sifat dan Nama-NamaNya yang mulia

Daripada tema-tema yang disebutkan, pengulangan ayat رَبِّكُمَا تُكذِّبَانِ sebanyak 31 kali memberi kesan refleksi dan keinsafan yang mendalam, khususnya kepada golongan jin (al-Suyuti 2015)

Nabi SAW bersabda :

عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَرَأَ سُورَةَ الرَّحْمَنِ عَلَى أَصْحَابِهِ، فَسَكَتُوا، فَقَالَ: مَا لِي أَسْمَعُ الْجِنَّ أَحْسَنَ جَوَابًا لِرَبِّهَا مِنْكُمْ! مَا أَتَيْتُ عَلَى قَوْلِهِ تَعَالَى: رَبِّكُمَا تُكذِّبَانِ إِلَّا قَالُوا: لَا شَيْءَ مِنْ آلَانِكَ رَبَّنَا تُكذِّبُ، فَلَاكَ الْحَمْدُ.

Daripada Ibn ‘Umar, bahawa Rasulullah SAW membaca Surah al-Rahmān kepada para sahabat. Namun mereka diam sahaja. Lalu baginda bersabda: Mengapa aku mendengar jin memberikan jawapan yang lebih baik kepada Tuhan mereka berbanding kalian? Setiap kali aku sampai pada firman Allah: Maka nikmat Tuhan kamu berdua yang manakah yang kamu dustakan?, mereka (kaum jin) pasti berkata: "Tiada satu pun daripada nikmat-Mu wahai Tuhan kami yang kami dustakan; maka bagi-Mu segala pujian." (al-Bayhaqi fi al Dalail)

Manakala kesan terhadap kognitif pemikiran manusia boleh dilihat dalam bentuk jadual dibawah. Jadual: Kesan Kognitif Pemikiran Manusia Berdasarkan 12 Tema Utama Surah al-Rahman

| Bil | Tema Utama Surah al-Rahmān | Huraian Ringkas Tema | Kesan terhadap Kognitif Pemikiran Manusia |
|-----|--|---|--|
| 1 | Sifat Al-Rahman dan Manifestasi Rahmat Ilahi | Menunjukkan sifat kasih dan rahmah Allah yang menjadi asas kewujudan seluruh alam | <ul style="list-style-type: none"> a) Menanam kesedaran bahawa Allah Maha Kaya dan seluruh alam ini diciptakan oleh-Nya berdasarkan rahmat dan kurnian-Nya. b) Mendidik akal bersifat rahmah sebagai prinsip universal. |
| 2 | Nikmat Ilmu dan Pengajaran al-Qur'an | Allah mendahulukan pemberian ilmu al-Qur'an sebelum penciptaan manusia | <ul style="list-style-type: none"> a) Meningkatkan kesedaran bahawa sumber ilmu hakiki ialah wahyu. b) Mengukuhkan keupayaan reflektif dan pemahaman mendalam. c) Menggabungkan ilmu naqli dan 'aqli secara seimbang. |
| 3 | Penciptaan Alam dan Keseimbangan Kosmos | Penjelasan tentang keindahan sistem alam semesta yang teratur dan harmoni. | <ul style="list-style-type: none"> a) Mengasah pemikiran saintifik dan empirikal terhadap keunikan alam yang menunjukkan kekuasaan Allah. b) Membentuk daya fikir rasional dan sistematik berpaksikan tauhid kepada Allah bersifat <i>al-hakim</i> yang mencipta dan mentadbir alam ini. |

| | | | |
|---|--|--|--|
| 4 | Prinsip Mīzān (Keadilan dan Keseimbangan) | Segala ciptaan Allah berlandaskan keadilan dan keseimbangan. | <ul style="list-style-type: none"> a) Menanam Konsep keseimbangan dalam alam, hukum, dan kehidupan manusia, b) melatih minda untuk membuat pertimbangan yang adil dan objektif, c) mengembangkan pemikiran moral serta etika intelektual, d) mengelakkan ekstremisme dalam pemikiran |
| 5 | Nikmat Duniawi dan Fenomena Lautan | Gambaran keajaiban laut, mutiara, dan ciptaan Allah di bumi | <ul style="list-style-type: none"> a) Menggalakkan tafakkur terhadap keindahan alam sebagai bukti keagungan dan kebijaksanaan Allah Yang Esa b) Pemikiran interdisiplin antara teologi dan sains secara empirikal yang meningkatkan keimanan kepada Allah Yang Esa |
| 6 | Semua urusan alam ditadbir oleh Allah Tuhan yang kekal | Yang Kekal dan Bijaksana mentadbir alam hanyalah Allah | <ul style="list-style-type: none"> a) Menyedarkan akal bahawa seluruh kewujudan tertakluk kepada kekuasaan dan kebijaksanaan Allah yang Kekal berdasar kerangka fikir yang berpusatkan Tuhan (<i>God-centered worldview</i>). b) Alam adalah makhluk dan bersifat fana; hanya Allah yang kekal |
| 7 | Tanggungjawab Manusia dan Jin terhadap nikmat Allah | Memperingatkan bahawa jin dan manusia adalah makhluk yang diberi taklif sharak . | <ul style="list-style-type: none"> a) Menanam pemikiran bahawa jin dan manusia adalah makhluk berakal dicipta untuk menerima dan melaksanakan taklif syarak serta bertanggungjawab terhadap dosa dan pahala. b) Kesedaran bahawa akal boleh memperoleh kebenaran melalui tadabbur terhadap nikmat yang dilimpahkan dalam alam ini, berserta dengan bimbingan wahyu Ilahi. |
| 8 | Ulangan ayat قَبَائِلَ آلَاءِ رَبِّكُمْ تَكْدِبَانِ sebanyak 31 kali | Peringatan jelas dan lembut secara berulang menuntut kesyukuran serta tanggungjawab berpaksikan tauhid | <ul style="list-style-type: none"> a) Mengaktifkan proses refleksi dan introspeksi secara berterusan dalam minda, b) Akal tidak mampu secara fitrah menolak kewujudan segala nikmat sebagai bukti kewujudan Allah yang Yang Maha Esa dan Maha pemurah c) Pengesahan tauhid bahawa Allah yang Maha Pemurah sahajalah pemberi segala nikmat dan Pencipta Yang Maha Kaya |

| | | | |
|----|---|--|---|
| | | | d) menolak secara tegas pemikiran ateisme yang menafikan kewujudan Tuhan |
| 9 | Hari Kiamat dan Balasan bagi yang Ingkar | Gambaran kehancuran alam dan pembalasan akhirat. | a) Membina kesedaran terhadap akibat tindakan (future-oriented cognition) b) Menguatkan kawalan diri dan tanggungjawab moral yang berpaksi pada syariat Islam dan tauhid. |
| 10 | Gambaran Nikmat Syurga bagi Golongan Bertakwa | Penerangan visual tentang kenikmatan syurga dan ganjaran amal soleh. | a) Mengaktifkan <i>Limbic System</i> ialah struktur otak yang memainkan peranan utama dalam emosi, ingatan, dan motivasi b) Membentuk daya fikir berorientasikan shariat dan berapksikan tauhid |
| 11 | Keteraturan dan Kebijaksanaan dalam Ciptaan | Menunjukkan bahawa segala ciptaan mempunyai hikmah dan tujuan | a) Melatih pemikiran sebab-akibat berdasarkan tauhid b) Mengembangkan pemikiran berhikmah, sistematik dan strategik. c) Menanam kefahaman terhadap hikmah di sebalik setiap ujian. |
| 12 | Keagungan Allah berdasarkan sifat-sifat dan Nama-NamaNya yang mulia | Penegasan keagungan dan kemuliaan Allah pada ayat penutup surah. | a) Membangunkan pemikiran tauhidi (<i>theocentric cognition</i>). b) Menanam keyakinan bahawa penciptaan alam oleh Allah adalah semata-mata atas kemurahan dan rahmat-Nya, bukan kerana sebarang keperluan bagi-Nya. Menegaskan bahawa Allah tidak pernah menzalimi hamba-Nya dengan segala nikmat yang dikurniakan. c) Beriktikad bahawa hanya Allah sahaja Tuhan dan Pencipta yang kekal, manakala semua makhluk akan binasa. |

Berdasarkan analisis keseluruhan sintesis kognitif Qur'ani dalam Surah al-Rahman dan tema-temanya, maka diperoleh tingkatan kognitif yang tersusun seperti di bawah, iaitu:

1. Perhatian (Attention): Struktur pengulangan dan bunyi ritma ayat mengaktifkan fokus mental dan kesedaran spiritual.
2. Pemahaman (Comprehension): Setiap tema mengukuhkan kefahaman terhadap hakikat nikmat, rahmat dan keadilan Ilahi serta memahami hubungan antara ciptaan dan Pencipta.
3. Penilaian (Evaluation): Akal dilatih menilai fenomena dan tindakan berdasarkan nilai wahyu dan tauhid, bukan hawa nafsu.

4. Aplikasi (Application): Kesedaran terhadap rahmat dan akibat amal mendorong amalan syukur, adil dan ihsan berasaskan keimanan.
5. Sintesis (Synthesis): Semua tema membentuk kognitif tauhidi — kesatuan antara ilmu, iman dan amal yang melahirkan insan berfikir secara seimbang.

Kesimpulan

Kesebelas tema dalam Surah al-Rahman memperlihatkan bahawa al-Qur'an bukan sekadar teks spiritual, tetapi instrumen pendidikan kognitif Ilahi. Akal yang berinteraksi dengan tema-tema ini akan berkembang menjadi akal yang berzikir, berfikir, dan bersyukur — suatu bentuk pemikiran tauhidi yang menyeimbangkan logik, etika dan spiritual. Surah al-Rahmān bukan sekadar menyentuh emosi keinsafan, tetapi mengaktifkan struktur kognitif manusia secara menyeluruh daripada kesedaran deria, penaakulan logik, penilaian moral hingga kepada kesedaran spiritual. Ia membentuk pemikiran tauhidi (التفكير التوحيدي) yang menghubungkan antara ilmu, iman dan amal, menjadikan manusia berfikir secara seimbang dan beradab dalam memahami realiti kehidupan.

Bibliography

1. Al Bayhaqi, Abu Bakar B al Husayn. 2000. *Shu'b al -Iman*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiah
2. Al Baydawi, Abd Allah Bin Abi Umar .1996. *Tafsir Al Baydawi Al- Musamma Anwar Al- Tanzil Wa Asrar Al Ta'wil* .Beirut: Dar Al-Fikr
3. Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad Bin muhammad. 1995. *Ihya' 'ulum Al-Din*. Beirut: Dar Al-Fikr
4. Al-Suyuti, Abd Al-Rahman Bin Abi Bkar .2015. *Al-Durr Al-Manthur Fi Al- Tafsir Al-Ma'shur* Beirut: Dar al- Kutub al -Ilmiah